



# **NOTA UCAPAN**

**DATUK AZMAN BIN MOHD YUSOF**  
**KETUA SETIAUSAHA,**  
**KEMENTERIAN PERDAGANGAN**  
**DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP (KPDN)**

**MAJLIS PELANCARAN OUTLET**  
**OLDTOWN WHITE COFFEE**

**TARIKH : 7 JANUARI 2023**  
**TEMPAT : IOI CITY MALL, PUTRAJAYA**

Terima kasih saudara Pengacara Majlis

1. **Yang Berusaha. Encik Mohamad Shukri Salleh,**  
Naib Pengerusi, Persatuan Francais Malaysia (MFA)
2. **Yang Berusaha Puan Dawn Liew,**  
Ketua Pegawai Eksekutif, Oldtown White Coffee
3. **Yang Berusaha Muhd Fairuz Bin Abdul Halim**  
Pengarah Bahagian Pembangunan Francais dan Jualan  
Langsung
4. Ahli jawatankuasa utama MFA
5. *Crew Oldtown White Coffee*
6. Rakan-rakan media
7. Hadirin dan Hadirat Sekalian

Assalamualaikum w.b.t dan Selamat Sejahtera,

1. Terlebih dahulu, marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnianya kita dan perlindungan-Nya, kita dikurniakan dengan kesihatan untuk sama-sama berkumpul di Majlis Pelancaran outlet Oldtown White Coffee di IOI City Mall Putrajaya, hari ini.
2. Terima kasih kepada pihak Oldtown White Coffee kerana sudi menjemput saya ke majlis ini. Pelancaran cawangan baru ini merupakan permulaan yang baik buat Oldtown bagi tahun 2023.

## OLDTOWN WHITE COFFEE

Hadirin sekalian,

3. Saya dimaklumkan bahawa cawangan Oldtown White Coffee di IOI City Mall Putrajaya ini merupakan cawangan terbaru syarikat dan ianya juga merupakan milik salah seorang francais bumiputera yang telah berjaya membuka tiga (3) cawangan dalam tempoh empat (4) bulan. Saya kira ini merupakan pencapaian yang boleh kita banggakan dan patut dicontohi oleh para usahawan dan bakal usahawan francais di luar sana.
4. Tahniah saya ucapkan kepada Oldtown White Coffee kerana telah mengorak langkah untuk meluaskan perniagaan melalui konsep francais ini. Saya percaya lebih banyak lagi peluang perniagaan francais Oldtown yang tersedia untuk ditawarkan kepada usahawan di luar sana.
5. Selain itu, saya turut dimaklumkan bahawa Oldtown White Coffee merupakan salah satu jenama yang sangat komited dalam melaksanakan program-program kemasyarakatan untuk masyarakat setempat sebelum ini. Dal hal ini, pihak syarikat telah menganjurkan program sumbangan sewaan rumah dengan nilai RM1 kepada pusat jagaan kanak-kanak *Praise Boys Care Centre*, sumbangan makanan melalui program *Oldtown's Foodbank* dan *#kitajagakita Free Meals*, bantuan tunai kepada mangsa banjir serta bantuan barangan keperluan kepada mereka yang memerlukan.

6. Pada tahun ini, saya turut dinyatakan bahawa syarikat akan meneruskan usaha tersebut dengan mewujudkan satu lagi program yang dinamakan *Breakfast for Everyone* di mana masyarakat dapat menikmati sarapan di Oldtown dengan harga yang sangat berpatutan sebagai salah satu inisiatif bagi menyokong usaha kerajaan dalam mengimbangi kos sara hidup masyarakat.
7. Usaha murni ini diharap dapat dicontohi oleh para penggiat industri francais yang lain.

## **INISIATIF KEMENTERIAN**

Hadirin yang dikasihi sekalian,

8. Selanjutnya, KPDN selaku Kementerian yang bertanggungjawab kepada industri francais Malaysia, akan terus memberi sokongan penuh kepada penglibatan masyarakat dalam sektor francais termasuk usahawan-usahawan yang ingin menaik taraf perniagaannya kepada sistem francais.
9. Program-program promosi perniagaan francais di dalam dan luar negara juga akan terus dipergiatkan bagi menyokong penggiat dan para usahawan francais untuk mempromosikan perniagaan mereka dan bersama-sama menyumbang ke arah pengukuhan ekonomi negara.
10. Dalam usaha untuk membantu para usahawan dan masyarakat umumnya, pihak kementerian akan melaksanakan inisiatif untuk mengawal kenaikan harga barang dan merangka pemberian subsidi bersasar untuk meringankan kos sara hidup.

11. Saya yakin bahawa industri ini dapat berkembang dengan lebih cemerlang pada masa akan datang dengan Kerjasama dan komitmen daripada semua pihak.

## **PENUTUP**

12. Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan selamat maju jaya kepada Oldtown White Coffee dan para francais. Selamat maju jaya juga terhadap perancangan dan komitmen Oldtown White Coffee untuk membuka 50 cawangan baru pada tahun ini.
13. Tidak lupa juga ucapan penghargaan kepada pihak Persatuan Francais Malaysia (MFA) kerana telah bersama-sama pihak kementerian dalam mempromosikan industri francais Malaysia sekali gus menyokong pertumbuhan industri ini.
14. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Majlis Pelancaran outlet Oldtown White Coffee IOI City Mall Putrajaya, hari ini.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.